

Ketidakkapaian Jadual Ketiga Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024

KETIDAKPAKAIAN PERATURAN LYMPK 2024



Jentera mengangkat bagi kelengkapan pengendalian benda.

CONTOH : FORKLIFT



1

Jentera mengangkat yang digunakan untuk tujuan menggerudi atau mengorek lubang di dalam tanah atau untuk membuat telaga seperti rig penggerak atau rig gerudi.

CONTOH : AUGER CRANE (TANPA TELESKOPIK BOOM)

2



3

Jentera mengangkat yang digunakan untuk memacu cerucuk atau cerucuk gerudi ke dalam tanah untuk membina tiang, jambatan, empangan dan struktur sokongan tiang lain sebagai sebahagian daripada asas kekal untuk bangunan atau struktur lain yang dilekapkan di atas roda berantai.

CONTOH : MESIN CERUCUK



Jentera mengangkat iaitu win yang dipasang pada kenderaan.

CONTOH : WINCH PADA KENDERAAN

4



Jentera mengangkat yang dipasang sebagai perata dok iaitu kelengkapan kekal yang diletak di pintu dok yang digunakan untuk menaik atau menurunkan paras dok.

CONTOH : PERATA DOK



5

Jentera mengangkat yang dipasang sebagai kelengkapan bantuan mengangkat ergonomik untuk membantu pekerja mengangkat, menggerakkan kedudukan barang-barang atau beban yang terlalu berat untuk dilakukan secara manual seperti manipulator.

CONTOH : PENGANGKAT ERGONOMIK

6



Jentera mengangkat yang digunakan sebagai platform atau laluan bertingkat yang menyediakan laluan seperti menara laluan.

CONTOH : JAMBATAN ANGGAT

7



Jentera mengangkat iaitu penghantar tegak yang digunakan untuk menggerakkan atau mengangkut beban dalam laluan yang telah ditentukan dan mempunyai titik pemuatan dan pemunggahan beban, pada kedudukan tetap atau selektif.

CONTOH : PENGHANTAR TEGAK


8



Jentera mengangkat iaitu kelengkapan mekanikal yang dipasang secara tetap di belakang kenderaan dan direka bentuk untuk mengendalikan beban dari aras tanah atau dok punggah ke aras lantai kenderaan, atau sebaliknya.

CONTOH : DOK PADA KENDERAAN

9



Jentera mengangkat yang menjadi kelengkapan sistem simpanan dan dapat kembali automatik.

CONTOH : AUTOMATED STORAGE AND RETRIEVAL SYSTEM (ASRS)

10



Jentera mengangkat iaitu kren yang ketinggian mengangkat tidak melebihi sembilan meter dan beban kerja maksimumnya tidak melebihi lapan puluh kilogram.

CONTOH : MONKEY HOIST

11



Jentera mengangkat yang menggunakan udara atau pneumatik dan beban kerja maksimumnya yang tidak melebihi lima ratus kilogram.

CONTOH : AIR HOIST

12